



1. Mengikut Senarai Perjawatan Dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Maksud Bekalan B41 Jabatan Pelajaran Perak Tahun 2012 dianggarkan terdapat hampir 47 000 kakitangan kerajaan yang terdiri daripada Guru-guru, Pegawai Tadbir, Penyelia, Pembantu Tadbir dan berbagai lagi skim perkhidmatan bertugas di bawah Jabatan Pelajaran Perak.
2. Pada masa sekarang, bantuan yang dikeluarkan hanya bagi kes-kes kematian atau bencana. Namun untuk rancangan jangka panjang, faedah-faedah yang dikeluarkan boleh ditambah seperti wang bantuan pelajaran, dan hadiah kecemerlangan akademik anak-anak.
3. Keahlian Tuan/Puan menjadi ahli Pertubuhan ini tidak menghalang Tuan/Puan untuk menjadi ahli mana-mana pertubuhan yang lain.
4. Jabatan Pelajaran Perak hanya menguruskan bantuan kerajaan seperti Bantuan Kenderaan Jenazah dan Bayaran Ex-Gratia.



1. Adakah keahlian saya akan terhenti sekiranya saya bertukar ke negeri lain?
Keahlian tidak akan terhenti sekiranya ahli masih membayar yuran bulanan.
2. Adakah ibu bapa mertua saya termasuk didalam tanggungan saya?
Tidak.
3. Setelah saya berhenti menjadi ahli adakah yuran bulanan saya akan dikembalikan?
Tidak, yuran bulanan akan disimpan sebagai faedah bersama ahli-ahli.
4. Bagaimana sekiranya tanggungan saya bertambah?
Ahli boleh menggunakan Borang Perubahan Maklumat dan memaklukkannya ke Pejabat Setiausaha.
5. Bilakah keahlian Pertubuhan akan ditutup?
Keahlian adalah terbuka sepanjang masa, namun proses pendaftaran ahli adalah bergantung kepada tempoh pemotongan gaji dilaksanakan,

KEAHLIAN PERTUBUHAN

1. Keahlian pertubuhan adalah terbuka kepada Pegawai dan Kakitangan yang sedang atau pernah bertugas di Jabatan Pelajaran Perak, Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Jabatan Pelajaran Perak.
2. Berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun.
3. Seseorang yang ingin menjadi ahli hendaklah memohon dan mendaftarkan namanya, nama-nama tanggungannya lengkap dengan umur dan alamat kepada Setiausaha Pertubuhan.
4. Mesyuarat Jawatankuasa berkuasa melulus dan menolak permohonan untuk menjadi ahli.

WANG PENDAFTARAN

Tiap-tiap ahli baru hendaklah membayar wang pendaftaran sebanyak RM 10.00 (Sepuluh Ringgit Sahaja)

YURAN PERTUBUHAN

Tiap-tiap ahli dikenakan membayar yuran bulanan sebanyak RM 3.00 (Tiga Ringgit Sahaja) kepada Bendahari sebelum akhir bulan.



Sebarang Pertanyaan Boleh Dikemukakan ke:

Setiausaha
Pertubuhan Faedah Bersama
Jabatan Pelajaran Perak
Jln. Tun Abdul Razak
30640, Ipoh

Telefon: 05 501 5000 / 5004 / 5307
Faks: 05 527 4782
Email: faedahbersama@yahoo.com
Website: Portal Pelajaran Perak



**PERTUBUHAN FAEDAH BERSAMA
JABATAN PELAJARAN PERAK**
Jln. Tun Abdul Razak
30640, Ipoh

TUJUAN PERTUBUHAN

Tujuan Pertubuhan ini ialah untuk memberi bantuan kewangan kepada ahli atau tanggungan ahli bila berlaku kematian atau bencana diantara mereka.

JUMLAH BANTUAN YANG DIBERIKAN

Bantuan atas sebab Kematian:

1. Atas kematian ahli sendiri - RM 2 000.00
2. Atas Kematian isteri / suami ahli - RM 1 000.00
3. Atas kematian tanggungan ahli
 - i. anak - RM 500.00
 - ii. ibu bapa - RM 300.00

Bantuan atas sebab Bencana :

1. Sakit berpanjangan keatas ahli sendiri, isteri, atau suami - RM 1 000.00
2. Sakit berpanjangan keatas anak, bapa atau ibu ahli - RM 500.00
3. Kebakaran - RM 500.00

* Mengikut Undang-undang Tubuh Pertubuhan melalui Pindaan yang diluluskan oleh ROS pada 14 Ogos 2012



Bagaimana Hendak Memohon Menjadi Ahli?

1. Borang Permohonan Keahlian Pertubuhan boleh dimohon dengan menghubungi Pejabat Setiausaha Pertubuhan, atau
2. Memuat turun Borang melalui Portal Jabatan Pelajaran Perak
3. Borang yang telah siap bersama perakuan perlu dihantar bersama Wang Pendaftaran Pertubuhan
4. Wang Pendaftaran boleh dimasukkan terus ke dalam Akaun Pertubuhan seperti berikut:

Nama Akaun Semasa : **Pertubuhan Faedah Bersama Jabatan Pelajaran Perak**
Bank : **CIMB**
No. Akaun : **0802-0000-2801-01**

5. Borang Pertubuhan berserta 'Slip Simpanan Wang Tunai Bank CIMB' atas nama Pertubuhan boleh diserahkan kepada Setiausaha, atau
6. Borang dan Wang Pendaftaran boleh diserahkan secara tunai kepada setiausaha (hantar terus ke pejabat) atau melalui wang pos.

Bagaimana Proses Pendaftaran dilakukan?

1. Borang pendaftaran yang telah diterima lengkap dengan wang pendaftaran akan diproses oleh urusetia Pertubuhan.
2. Setelah permohonan diterima, tarikh ahli didaftarkan akan bermula serentak dengan bulan pertama pemotongan gaji dilakukan.
3. Resit dan surat akuan menjadi ahli pertubuhan akan dihantar kepada ahli setelah keahlian disahkan.
4. Bagi permohonan yang ditolak, makluman akan dikeluarkan.

Undang-undang Tubuh Pertubuhan



Buku Undang-undang Tubuh Pertubuhan Faedah Bersama boleh dimuat turun melalui Portal Jabatan Pelajaran Perak

Bagaimana Hendak Membuat Tuntutan?

1. Tuntutan bantuan hanya boleh dibuat setelah keahlian disahkan.
2. Bagi kes kematian, ahli atau waris yang sah seperti yang didaftarkan oleh ahli boleh mengemukakan tuntutan ke Pejabat Setiausaha dengan mengemukakan Borang Tuntutan dan Salinan Sijil Kematian atau Laporan Polis.
3. Bagi Kes Bencana ahli atau waris perlu mengemukakan Salinan Pengesahan Perubatan atau Laporan Polis ke Pejabat Setiausaha.
4. Wang Bantuan akan disalurkan melalui Cek atau Wang Tunai

Syarat-syarat Bantuan

1. Bantuan Kematian akan dibayar cuma atas kematian ahli dan tanggungan-tanggungan ahli yang namanya ada di dalam daftar yang disimpan oleh Setiausaha dengan syarat ada Sijil Kematian yang Sah.
2. Bagi Kematian tanggungan, wang bantuan akan dibayar kepada ahli dan bagi kematian ahli sendiri, bantuan akan dibayar kepada warisnya.
3. Bantuan bencana akan dibayar dengan syarat ada Surat Pengesahan Lembaga Perubatan Kerajaan daripada Pegawai Perubatan bagi kes kebakaran berpanjangan dan laporan polis bagi kes kebakaran
4. Bantuan kepada individu atau lain-lain organisasi yang difikirkan perlu akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa.
5. Syarat-syarat tambahan sila rujuk Undang-undang Pertubuhan

Pentadbiran Pertubuhan

1. Kuasa yang tertinggi di dalam Pertubuhan ini terletak di atas Mesyuarat Agong
2. Ahli-ahli jawatankuasa seperti berikut adalah bertanggungjawab mentadbir Perjalanan Pertubuhan ini:
 - i: Yang Dipertua - Pengarah Pelajaran
 - ii: Timbalan Yang Dipertua - Tim. Pengarah
 - iii: Setiausaha - Ketua Sektor K2P
 - iv: Penolong Setiausaha
 - v: Bendahari
 - vi: 25 orang Ahli Jawatankuasa

Maklumat Am

1. Seseorang ahli boleh menamakan sebagai orang yang akan menerima wang bantuan (waris) seperti suami atau isteri, anak-anak, ibu dan bapa.
2. Ahli yang sengaja melanggar undang-undang pertubuhan ini atau berkelakuan tidak baik sehingga mencemarkan nama baik atau mendatangkan kerugian kepada pertubuhan ini boleh dipecat daripada menjadi ahli oleh mesyuarat jawatankuasa.
3. Ahli yang tidak menjelaskan yuran bulanan lebih dari 2 bulan akan menerima surat ingatan yang ditandatangani oleh wakil setiausaha dan hilanglah hak-hak keistemewaannya sebagai ahli sehingga hutangnya yang dituntut telah dibayar.
4. Ahli yang tidak membayar yuran lebih dari 3 bulan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi ahli Pertubuhan.
5. Ahli yang hendak berhenti menjadi ahli hendaklah memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
6. Alamat dan tempat urusan pertubuhan ialah Jabatan Pelajaran Perak, Jalan Tun Abdul Razak, 30640 Ipoh, Perak.
7. Pertubuhan ini adalah satu Pertubuhan yang berdaftar di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia